

## **Peranan dan Sumbangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam Perkembangan Perubatan Homeopati di Malaysia, 1935–1969**

### ***The Role and Contribution of Dr. Burhanuddin al-Helmi in the Development of Homeopathic Medicine in Malaysia, 1935–1969***

MOHAMAD MUZAMMIL MOHAMAD NOOR

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM,  
Pulau Pinang, Malaysia

E-mail: muzammil@usm.my; pfm7615@gmail.com

**Published online:** 31 May 2024

**To cite this article:** Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2024. Peranan dan sumbangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam perkembangan perubatan homeopati di Malaysia, 1935–1969. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 31(1): 177–205. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.1.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.1.9>

**Abstract.** *This article discusses the history of the emergence of homeopathic medicine pioneered by Dr. Burhanuddin al-Helmi during the British colonial period began when he studied in India in 1935 and he continued expanding on it throughout his life till his passing in 1969. However, this homeopathic procedure was less popular among the Malays as they were still practicing traditional Malay and Islamic medication that was interspersed with Quranic verses, as well as modern medicines in hospitals and clinics introduced by the British colonial. This is because homeopathy medicine is still new and has not been widely revealed. This writing will perceive how his education in India has influenced his interest in homeopathic medicine and the development of this medicine in Malaysia. This study was conducted using the qualitative approach by analysing articles written by Dr. Burhanuddin and several other homeopathic researchers and historians. The findings show that Dr. Burhanuddin's homeopathy was found to be as an alternative medical treatment to allopathy. The article also concludes that the historical development of homeopathy medical science in Malaysia dating back to the 1930s, including the establishment of the Homeopathic Society Federation of Malaya (PHPTM) in 1961, was the efforts and the roles of a Malay nationalist, Dr. Burhanuddin, who was the first homeopathic practitioner of medicine in Malaysia.*

**Keywords and phrases:** *Burhanuddin al-Helmi, homeopathy medicine, traditional Malay medicine, allopathy medicine, Hahnemann*

**Abstrak.** Makalah ini<sup>1</sup> membincangkan sejarah kemunculan perubatan homeopati yang telah dipelopori oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi semasa bermulanya zaman pemerintahan British ketika beliau mempelajari ilmu perubatan itu di India pada tahun 1935 sehinggalah pada akhir hayatnya dalam tahun 1969. Namun begitu, perubatan ini kurang popular dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional kerana mereka masih mengamalkan amalan perubatan tradisional dan jampi serapah yang diselang-seli dengan ayat-ayat al-Quran, di samping perubatan moden di hospital dan klinik yang diperkenalkan oleh pihak British. Hal ini berlaku disebabkan perubatan homeopati masih baharu dan belum didedahkan secara besar-besaran. Penulisan ini melihat bagaimana pendidikan beliau di India telah mempengaruhi minatnya dalam perubatan homeopati dan perkembangan perubatan ini di Malaysia. Makalah ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan iaitu sumber karya yang ditulis oleh beliau serta pengkaji perubatan homeopati dan sejarawan lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubatan homeopati yang diamalkan oleh Dr. Burhanuddin merupakan alternatif rawatan kepada perubatan alopati. Penulisan ini menyimpulkan bahawa sejarah perkembangan ilmu perubatan homeopati di Malaysia yang bertapak sejak dari tahun 1930-an, termasuk penubuhan Persatuan Homeopathy Persekutuan Tanah Melayu (PHPTM) pada tahun 1961, merupakan hasil usaha dan peranan Dr. Burhanuddin, seorang nasionalis Melayu yang juga merupakan pengamal ilmu perubatan homeopati pertama di Malaysia.

**Kata kunci dan frasa:** Burhanuddin al-Helmi, perubatan homeopati, perubatan tradisional Melayu, perubatan alopati, Hahnemann

## Pengenalan

Perubatan homeopati agak berbeza dengan sistem perubatan moden iaitu alopati walaupun perubatan ini merupakan salah satu cabang ilmu perubatan. Kaedah ini selalunya menjadi rawatan terakhir pesakit setelah mendapatkan rawatan perubatan lain (*Berita Harian* 2019). Kaedah perubatan homeopati<sup>2</sup> merupakan salah satu alternatif perawatan bagi mengubati sesuatu penyakit, selain perubatan konvensional atau perubatan alopati dan perubatan tradisional Melayu termasuk perubatan Islam. Homeopati berasal daripada bahasa Yunani kuno iaitu *homeos* bermakna “serupa” dan *pathos* bermaksud “penyakit” (Vithoulkas 1979, 16). Menurut sejarah awalnya, penemuan perubatan homeopati dilakukan oleh seorang tabib yang dikenali dengan nama Hippocrates pada kira-kira 300 tahun Sebelum Masihi di Greek (Mohamed Hatta 2011a). Melalui penemuan tersebut, beliau menulis tentang pengenalan perubatan homeopati iaitu “melalui zat yang sama, penyakit dapat ditimbulkan dan melalui zat yang sama, penyakit dapat disembuhkan” (Risse 1970). Seorang lagi perintis perubatan ini, Dr. Cristian Samuel Hahnemann yang berketurunan Yunani di Jerman meneruskan kajian pada tahun 1810 terhadap penemuan yang telah ditinggalkan oleh Hippocrates. Pada permulaan kerjayanya sekitar tahun 1779, Hahnemann ialah seorang doktor perubatan dari Leipzig University yang membuka kliniknya sendiri bagi

mempraktikkan ilmu perubatan alopati (Risse 1970). Melalui ilmu perubatan alopati yang dipelajarinya, beliau tidak berpuas hati dengan kaedah perubatan biasa itu kerana ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan iaitu mengandungi bahan kimia berasaskan dadah dan ubat pelali yang boleh menjejaskan kesihatan manusia dan bukanlah merupakan cara penyembuhan yang betul (SP/90/3 n.d.; Merizalde 2015, 357–360). Lantas pada tahun 1790, beliau menterjemahkan sebuah buku yang berkaitan ilmu perubatan homeopati yang berjudul *Cullen's Materia Medica* ke dalam bahasa Jerman (Merizalde 2015, 353; Mohamed Hatta 2011b, 40–43). Sebagai langkah pertama penyelidikannya, beliau menanam sejenis pokok yang boleh mengatasi penyakit malaria iaitu pokok kina.<sup>3</sup> Setelah memakan kulit pokok tersebut, Hahnemann terkena gejala daripada demam malaria yang disebabkan oleh gigitan nyamuk betina spesies iaitu *Anopheles* (Ministry of Health Malaysia 2014) tidak lama kemudian. Bagi merawat penyakit tersebut, beliau melakukan pelbagai kaedah percubaan dengan memakan semula kulit pokok tersebut dan mulai sembuh secara perlahan-lahan. Hasil penyelidikan tersebut, beliau yakin dengan penemuan perubatan homeopati yang pernah dilakukan oleh Hippocrates sebelum itu (Merizalde 2015).

Perubatan homeopati di Asia berkembang luas di negara Jepun dan benua kecil India yang mempunyai banyak institusi pengajian tinggi dalam ilmu perubatan homeopati seperti Calcutta Homeopathic Medical College, Aligarh Moslem University, Ismailiyah Medical College (India), dan Pakistan Homeopathy Medical College and Homeopathy Hospital (Pakistan) dan dibangunkan oleh pihak kerajaan serta swasta (Meulenbeld 1999). Justeru, amalan perubatan homeopati di India dan Pakistan merupakan sistem rawatan utama kepada masyarakat mereka dan diiktiraf oleh pemerintah negara-negara itu sehingga kini.

Penulisan makalah ini menjelaskan sejarah perkembangan, sumbangan dan pemikiran falsafah ilmu perubatan homeopati yang dipelopori oleh Dato' Seri Dr. Burhanuddin al-Helmi di Malaysia sejak tahun 1935 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1969, di samping membincangkan pengasasan Persatuan Homeopathy Persekutuan Tanah Melayu (PHM) yang merupakan persatuan perubatan homeopati terulung di Malaysia dan peranan serta pencapaian persatuan ini. Penubuhan PHM telah melahirkan beberapa persatuan homeopati tanah air seperti Malaysia Homoeopathy Medical Association, Persatuan Homeopati Bumiputera Malaysia dan Persatuan Pengamal-Pengamal Perubatan Homeopati Berdaftar Malaysia.

## Sejarah Awal Perubatan Homeopati di Malaysia

### Dakwaan homeopati pertama dari Sabah

Sukar untuk memastikan tarikh yang tepat bermulanya perubatan homeopati menyerap masuk ke Malaysia, namun wujud pendapat yang menyatakan bahawa bidang perubatan ini mula masuk ke Malaysia melalui sebuah pekan kecil yang dikenali sebagai Tambunan di Sabah oleh golongan *missionary* atau mubaligh Kristian yang bernama Paderi John Leo Quinn yang mempraktikkan perubatan homeopati di sebuah rumah di kawasan Gereja St. Theresa (MPHM [Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia] 2020; Montage 1CHOM 2011). Namun begitu, tiada bukti yang kukuh daripada sumber pertama untuk menyokong dakwaan tersebut serta perkembangan tentang aktiviti itu oleh paderi berkenaan. Kenyataan yang mendakwa hal sedemikian adalah daripada laman sesawang MPHM (2020) namun sumber atau dokumen-dokumen yang sahih bahawa pengamalan ilmu perubatan homeopati dibawa masuk oleh pihak British ke Sabah tidak dapat dibuktikan. Walaupun demikian, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa perawatan homeopati mula berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura iaitu pada tahun 1937 setelah diperkenalkan oleh seorang nasionalis Melayu, Dr. Burhanuddin al-Helmi, namun amalan perawatan ini tidak dikembangkan secara meluas kepada masyarakat Melayu, seperti yang beliau jelaskan, “*homeopathy* telah lebih 50 tahun masuk ke Malaya” (Burhanuddin 1985, 31).

### Imigran India, masyarakat Melayu dan perubatan homeopati

Sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pengamalan perubatan homeopati terlalu asing bagi masyarakat Melayu. Perkembangan perubatan ini berlaku secara perlahan-lahan dalam kelompok imigran India yang berpendidikan tinggi di Tanah Melayu dan Singapura dengan pembukaaan klinik-klinik kecil di kawasan perladangan dan pinggir bandar, terutama di estet-estet getah, misalnya Ladang Subur di Taiping, Perak, Sungai Petani di Kedah dan North Bridge Road di Singapura.<sup>4</sup> Perawat yang merawat pesakit merupakan doktor-doktor homeopati dari India yang dibawa oleh pegawai tentera British termasuk Kolonel Dr. Azim S. Rajah, iaitu individu yang memperkenalkan perubatan homeopati kepada Dr. Burhanuddin (Ramlah 1996, 8–9). Terdapat sesetengah fakta menyebut perubatan ini juga dibawa masuk oleh askar-askar British keturunan India pada sekitar tahun 1920-an seperti Dr. Rajah sendiri (*Mingguan Islam* 1986, 31).

Sebaliknya, masyarakat Melayu menganggap bidang perubatan homeopati merupakan satu sistem perubatan tradisional atau merupakan salah satu daripada amalan perubatan India (Muzammil 2011b; 2011c; 2012/2014). Sejarah perubatan homeopati di Malaysia bermula setelah Dr. Burhanuddin mempelajari ilmu perubatan itu di Hyderabad, India, pada tahun 1935 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1969. Beliau telah memperkenalkan perubatan homeopati di Tanah Melayu (kini Malaysia) setelah kembali menyambung pelajarannya dalam sains perubatan homeopati. Sebelum Dr. Burhanuddin menceburi amalan perubatan tersebut, perubatan ini terlalu asing kepada masyarakat Melayu. Masyarakat lebih serasi dengan perubatan tradisional Melayu yang diselang-seli dengan kaedah perubatan Islam. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa Dr. Burhanuddin merupakan orang Melayu yang pertama mendalami bidang perubatan ini dan beliau membuka klinik pertamanya di North Bridge Road, Singapura dan Johor Bahru pada tahun 1937 (Burhanuddin 1985; Ramlah 1996, 8–9). Beliau terlibat dalam pengamalan dan perawatan perubatan homeopati selepas menerima pendedahan daripada Dr. Rajah yang ketika itu berada di Singapura sekitar tahun 1920-an (Ramlah 1996, 8–9). Seterusnya, pada penghujung tahun 1935, Dr. Burhanuddin mendalami ilmu tersebut di Ismaeliah Medical College (India) untuk mendapat sijil pengamalan perubatan homeopati pada peringkat ijazah. Setelah mendapat kelayakan tersebut, beliau telah membuka sebuah klinik homeopati di Johor Bahru pada tahun 1937 dan sebuah lagi klinik homeopati di Jalan Pachitan, Kampung Pachitan, Singapura (Rashidah 1969, 23).

### ***Peranan Dr. Azim S. Rajah***

Dr. Burhanuddin didedahkan dengan perubatan homeopati oleh Dr. Rajah semasa mereka tinggal berjiran di Kota Singapura. Beliau berada di sana untuk bekerja sebagai guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta menjadi penterjemah bahasa. Setelah Dr. Rajah menunjukkan pendedahan awal tentang perubatan homeopati kepada beliau, Dr. Burhanuddin tertarik dengan bidang perubatan baharu itu. Dr. Burhanuddin ketika itu mengalami penyakit lelah peringkat kronik (*over emphysema case problem/asthma*) serta penyakit saluran kencing yang dikenali sebagai saluran ureter tersumbat atau sempit (*constricted ureter*) dan prostat. Doktor dari India itu merawat penyakit beliau sehingga sembuh secara perlahan-lahan melalui kaedah perubatan homeopati di kliniknya di North Bridge Road (Burhanuddin 1985). Disebabkan kaedah rawatan perubatan itu agak berlainan daripada perubatan moden, iaitu alopati, Dr. Burhanuddin mendalami perubatan ini di Ismaeliah Medical College di India pada akhir tahun 1935 (Ramlah 1996). Ketika itu, tiada masyarakat Melayu lain yang menerima pendedahan perubatan ini dan mereka juga kurang berminat kerana menganggap perubatan homeopati adalah untuk imigran India sahaja (Muzammil 2011b; 2011c; 2012/2014). Oleh

itu, peranan yang dimainkan Dr. Rajah telah menarik perhatian Dr. Burhanuddin untuk mempelajari bidang itu di negara tersebut sehingga disebut sebagai pelopor perubatan homeopati di Malaysia.

### ***Reaksi British terhadap perubatan homeopati***

Seperti yang telah diterangkan pada awal kenyataan, perubatan homeopati di Malaysia dibawa oleh doktor-doktor berketurunan India yang berkhidmat dalam ketenteraan pihak British di Tanah Melayu dan Singapura (*Mingguan Islam* September 12, 1986, 31). Walaupun mereka mempraktikkan perubatan alopati tetapi doktor-doktor dari India turut mempunyai ilmu perubatan homeopati ketika mempelajarinya di negara mereka. Namun begitu, dalam perkembangan perubatan homeopati ini, ia memberi reaksi kepada pentadbiran British bahawa rawatan perubatan ini memberi persaingan kepada perubatan moden yang dikenali sebagai perubatan alopati yang diperkenalkan oleh kolonial tersebut pada abad ke-19 (Muzammil 2011b; 2011c). Pemerintah British menganggap perubatan homeopati merupakan amalan perubatan tradisional seperti perubatan-perubatan tradisional Melayu, India dan Cina. Pada zaman penjajahan British, pihak kolonial tidak menggalakkan penubuhan pusat-pusat perubatan khusus homeopati kerana perubatan alopati lebih mendapat perhatian daripada masyarakat Melayu, terutama daripada golongan elit dan berpendidikan Inggeris (Swettenham 1955). Hal ini disebabkan pihak British menganggap perubatan yang diperkenalkan mereka itu dilakukan secara kaedah penyelidikan saintifik. Melalui pengenalan perubatan moden tersebut, mereka telah membina klinik dan hospital-hospital perubatan moden di Taiping, Kuala Lumpur, Melaka serta di Singapura (Swettenham 1955, 155). Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pihak kolonial tidak mengiktiraf pengamalan dan perawatan secara perubatan homeopati di Tanah Melayu. Walaupun demikian, terdapat juga dalam kalangan mubaligh Kristian yang turut mengamalkan perubatan homeopati secara persendirian seperti di sebuah gereja di Tambunan, Sabah (MPHM 2020).

## Dr. Burhanuddin al-Helmi (1911–1969) Sebagai Pelopor Perubatan Homeopati

### Biodata ringkas



**Rajah 1.** Dr. Burhanuddi al-Helmi (1911–1969)

*Sumber:* Foto simpanan anaknya, Ahmad Shukry di Shah Alam, Selangor (23 Januari 2009)

Nama asal beliau ialah Burhanuddin bin Muhammad Nor<sup>5</sup> yang dilahirkan di Changkat Tualang, Mukim Kota Bharu di Taiping, Perak pada 29 Ogos 1911 (Dr. Burhanuddin 1956b; Muzammil 2011b; 2011c). Beliau digelar *al-Helmi* kerana sifatnya yang lemah lembut, bersopan santun dan menunjukkan sikap dan tingkah laku yang baik hingga diberi gelaran “Abi Halim” oleh rakan-rakan sebayanya di kampung sehinggalah lama-kelamaannya menjadi kebiasaan menggunakan *al-Hulaimi* atau ringkasnya *al-Helmi* yang bermaksud “orang yang tidak mempunyai sifat pemarah” (Saliha 1997, 20). Dr. Burhanuddin menerima pendidikan yang lengkap bermula dari zaman kanak-kanaknya sehingga ke peringkat ijazah doktor falsafah dari universiti di India. Pada tahun 2015, Sultan Perak, D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah menganugerahkan beliau bintang kebesaran negeri, Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.) yang membawa gelaran Dato Seri secara anumerta.



### **Pengajian falsafah dan perubatan homeopati di India**

Selepas mendalami ilmu di pelbagai tempat termasuk di Madrasah al-Mashor al-Islamiyyah, Dr. Burhanuddin memperolehi sumber kewangan daripada sekumpulan saudagar India Muslim di Pulau Pinang untuk melanjutkan pendidikannya ke Aligarh Moslem University di India pada awal tahun 1930-an bagi mendalami ilmu-ilmu persuratan iaitu bidang sastera dan falsafah, di samping turut mempelajari ajaran tasawuf Naqsyabandiah (Amir 1975, 4; Ramlah 1996, 10). Selepas tamat pengajian di India dan pengembaraan ke Palestin dan Turki, Dr. Burhanuddin kembali ke kampungnya di Taiping, Perak dan bertugas sebagai guru bahasa Arab di Sekolah Arab Al-Juned, Singapura selepas itu; selain turut menjadi penterjemah bahasa kepada para pedagang, saudagar, kapten kapal dan pegawai laut yang mengurus niaga di pelabuhan Singapura sehingga menggelarkan beliau seorang “munsyi” (Muzammil 2015). Selepas beberapa bulan di Singapura, Dr. Burhanuddin kembali ke India pada tahun 1935 bagi mendalami ilmu perubatan homeopati (Muzammil 2015, 31).

Penghijrahan beliau ke Singapura telah memberi ruang dan peluang kepadanya untuk mendampingi pelbagai bangsa di samping sifat keperibadiannya yang gemar mempelajari ilmu-ilmu baharu. Oleh hal yang demikian, beliau telah mengambil kesempatan ini untuk mempelajari ilmu perubatan homeopati pula daripada Dr. Rajah. Semasa Dr. Burhanuddin melanjutkan pelajaran di Ismaeliah Medical College, Hyderabad, India, pengalaman beliau menuntut ilmu perubatan homeopati di situ memberi manfaat kepadanya disebabkan institusi ini mempunyai pusat perubatan tersendiri dan lengkap dengan fasiliti dalam bidang perubatan alopati dan homeopati serta terkenal dengan penyelidikan pelbagai jenis perubatan moden dan tradisional semasa India dalam zaman kolonial British. Kembalinya beliau ke India pada tahun 1935 telah memberi peluang kepada beliau untuk mempelajari ilmu-ilmu perubatan homeopati dan dalam masa yang sama, memperoleh ijazah doktor falsafah daripada Aligarh Moslem University (Rashidah 1969, 23; Funston 1980, 118). Setelah tamat pengajian pada tahun 1937, Dr. Burhanuddin kembali ke Tanah Melayu bagi mempraktikkan ilmu perubatan homeopati sambil melaksanakan tujuan perjuangan utamanya iaitu menghalau British dari tanah air dan memerdekakan Tanah Melayu dengan membentuk sebuah negara berteraskan undang-undang syariah (Muzammil 2015).

### **Pengamal perubatan dan nasionalis Melayu**

Sebelum Dr. Burhanuddin menceburi bidang perubatan homeopati, beliau telah mula menunjukkan minat dalam perubatan kampung atau perubatan tradisional sejak zaman persekolahan lagi hasil pendedahan kepada pengalaman ilmu perubatan



Melayu tradisional seperti jampi-jampi dan mantera daripada seorang orang tua yang dikenali sebagai bomoh kampung yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya (Muzammil 2011b; 2011c). Pengamatan beliau terhadap pengamalan perubatan tradisi Melayu tersebut membuatkan beliau berfikir tentang kaedah perubatan yang efektif dan berkesan yang perlu dilakukan kepada masyarakat Melayu. Peneburan ilmu perubatan yang agak asing kepada masyarakat Melayu telah membuktikan kemampuan Dr. Burhanuddin yang mengamalkan rawatan ilmu perubatan homeopati dengan mengubati pesakit. Pada masa yang sama, beliau aktif sebagai seorang nasionalis Melayu yang melawan penjajah British (Muzammil 2015, 127).

Ketika itu, bidang perubatan ini terlalu baharu di rantau ini terutama dalam kalangan masyarakat Melayu dan Islam. Dr. Burhanuddin telah membuktikan bahawa beliau merupakan anak Melayu pertama yang berjaya menceburi bidang tersebut. Hal yang membezakan cara pengamalan perubatan homeopati Dr. Burhanuddin dengan pengamal-pengamal yang lain ialah beliau mengamalkan ilmu perubatan homeopati itu dengan kaedah mengubati pesakit-pesakitnya secara amalan Islam dan memberi rawatan percuma kepada masyarakat Melayu yang kurang berkemampuan, malah pada masa yang sama turut menyemai nilai-nilai nasionalisme menentang dasar penjajahan British (Muzammil 2015, 127; 2014a). Oleh itu, kliniknya mendapat sambutan yang menggalakkan oleh penduduk setempat sehingga mendapat pelbagai nama gelaran iaitu “Doktor Burhanuddin”, “Pak Doktor”, “Doktor Politik” dan “Doktor Agama” (Saliha 1974, 1; Funston 1980; Rashidah 1969; Muzammil 2023, 192). Dr. Burhanuddin mempraktikkan ilmu perubatan kepada pesakit-pesakitnya serta menurunkan ilmu perubatan tersebut kepada pemuda Melayu dan menyebarkan ilmu dakwah agama serta idea-idea nasionalisme Melayu kepada mereka. Hal ini terjadi kerana pada zaman tersebut, gerakan nasionalisme haluan kiri yang benci penjajah dan tidak akan bekerjasama dengan parti politik tempatan yang berkompromi bersama-sama pihak British sedang memuncak di Tanah Melayu dan Singapura (Burhanuddin al-Helmy 1960; Muzammil 2023, 192; Muzammil 2011a). Bersesuaian dengan imej Melayu dan Islam, Dr. Burhanuddin ditawarkan memimpin Parti Islam Sa-Tanah Melayu (PAS) pada akhir tahun 1956 selepas berjuang dalam parti-parti berhaluan kiri iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Parti Kesatuan Melayu Malaya (PKMM). Penglibatan beliau dalam PAS bertepatan dengan latar belakangnya yang berteraskan kebangsaan Melayu dan Islam (Burhanuddin al-Helmy 1960; Muzammil 2014b, 35–37). Dengan cara ini, Dr. Burhanuddin mengambil peluang membuka minda masyarakat Melayu supaya bangun memerdekakan diri dan tanah air daripada cengkaman penjajah British sambil mengubati pesakit-pesakit yang datang ke rumah sewaan yang dijadikan klinik homeopati sementara di Kampung Pachitan, Singapura.

## **Membuka klinik homeopati dan Persatuan Homeopathy Persekutuan Tanah Melayu**

Seterusnya, beliau membuka sebuah klinik dalam usaha untuk mengamalkan profesionnya itu di Johor Bahru dan di Jalan Pachitan di Kampung Pachitan, Singapura, dengan bantuan Dr. Rajah pada sekitar tahun 1937 hingga 1938 sehinggalah pada tahun 1942 apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua (Burhanuddin al-Helmy 1985, 31). Walaupun demikian, semasa Tanah Melayu terlibat dalam kancah Perang Dunia Kedua, usaha pengamalan ilmu perubatannya itu terbantut di tengah jalan apabila kemaraan pihak tentera Jepun menjajah Singapura dan Tanah Melayu pada sekitar tahun 1941 (Rashidah 1969, 23). Selepas beberapa tahun Perang Dunia Kedua berakhir, iaitu pada tahun 1954, nasionalis Melayu tersebut diberi kepercayaan oleh pihak pengurusan homeopati antarabangsa untuk mencurahkan ilmu dengan mengajar sekumpulan pemuda seramai 12 orang di tempat tinggal beliau di Kampung Pachitan, Singapura; antara mereka termasuklah Mohammed Yaakub dari Johor Bahru, Dali Muin (Taiping), Shariff Sukar (Melaka) dan Ghani Sulaiman dari Kuala Lumpur (Mohamed Hatta 2002). Hasil didikan beliau telah melahirkan pengamal-pengamal ilmu perubatan tersebut dan pada tahun 1959 sahaja, seramai 40 pengamal telah berjaya lulus sebagai pengamal perubatan homeopati. Suatu hal yang membanggakan apabila kebanyakan daripada mereka terdiri daripada masyarakat Melayu dari beberapa negeri. Bagi mengembangkan lagi kaedah perawatan perubatan homeopati di Tanah Melayu, Dr. Burhanuddin mendidik bakal pengamal perubatan ini dengan melakukan penyelidikan ubat-ubatan herba dalam kuliah syarahannya. Dalam catatan Saliha (1972, 8) menunjukkan:

In subsequent lectures to the members of the Malaysian Homeopathic Association, he consistently urged them to make academic researches into the native Malay Medicines and purge it of its *tahyul* and *kekarutan* for he believed it contained much that could be used to complement and supplement the modern medication.

Pada awal tahun 1960-an, sebuah persatuan khusus bagi pengamal-pengamal ilmu perubatan homeopati iaitu Persatuan Homeopathy Persekutuan Tanah Melayu (Homeopathic Society Federation of Malaya, PHPTM) diasaskan di negara ini. Persatuan homeopati ini merupakan persatuan homeopati pertama ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi pada 2 Januari 1961 (*Majalah Perubatan Homeopathy* 1985, 31; Atondra 2001). Dr. Burhanuddin telah diangkat sebagai presiden pertama persatuan homeopati itu. Menurut Dr. Burhanuddin dalam ucapan perasmian persatuan tersebut, terdapat beberapa matlamat penubuhan persatuan ini iaitu memikirkan nasib, matlamat serta menggariskan perjuangan ilmu homeopati pada

dekad-dekad akan datang; mendirikan dan memajukan perubatan homeopati dan lain-lain cara tabii; menggalak dan meninggikan kesihatan, kewarasan, kecerdasan rohani dan jasmani; mengadakan satu medium sosial bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan antara ahli dan orang ramai dengan mengadakan ceramah kesihatan, dan menanam semangat dan kemahuan memajukan diri sendiri dan mengajarkan kepada ahli tentang ilmu perubatan homeopati (Hatta 2002; Khairul Nizam 2008, 61). Persatuan yang beribu pejabat di 38-B, Jalan Hale (kini Jalan Raja Abdullah) di Kuala Lumpur ini diketuai oleh Dr. Burhanuddin sendiri dan dibantu oleh Mohammad Hanif sebagai setiausaha agung dan bendahari agungnya pula disandang oleh Yaakob Ibrahim (Khairul Nizam 2008, 61).

Pada awal pengasasan persatuan tersebut, jumlah keahlian tidaklah begitu menonjol. Seawal penubuhan, persatuan ini mempunyai tidak lebih daripada 100 orang ahli dan kebanyakan ahli bergerak aktif di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Semasa Nik Omar Haji Nik Daud mengambil alih kepimpinan daripada Dr. Burhanuddin selepas beliau meninggal dunia pada tahun 1969, Nik Omar menggiatkan lagi kemajuan PHPTM dengan memperkenalkan perubatan homeopati kepada masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu di luar bandar melalui ceramah dan seminar kesihatan serta pusat-pusat rawatan perubatan itu di seluruh negara, termasuk di Kuala Terengganu, Terengganu; Guar Chempedak, Kedah; Parit Buntar, Kerian, Perak; Muar, Johor; Jasin, Melaka; Sungai Besar, Klang, Sekinchan di Selangor dan Kota Bharu di Kelantan (Mohamed Hatta 2002). Pada tahun 1979, nama PHPTM ditukarkan kepada Persatuan Perubatan Homeopati Malaysia (Malaysia Homoeopathy Medical Association, PPHM) di Kuala Lumpur dan masih wujud hingga kini (Mohamed Hatta 2002). Pertukaran nama persatuan itu dilakukan oleh Nik Omar yang berasal dari Kelantan dan beberapa orang pengamal perubatan homeopati selepas Dr. Burhanuddin meninggal dunia. PPHM membuka keahlian persatuan berkenaan kepada pengamal yang berkelayakan, pelajar-pelajar baharu dalam perubatan ini serta pengamal perubatan lain yang berkaitan seperti pengamal perubatan akupunktur serta ahli akademik lain dalam bidang sains biologi (*Majalah Perubatan Homeopathy* 1985, 31; Atondra 2001; Mohamed Hatta 2002). Setelah kegiatan perubatan homeopati agak pesat berkembang, sebuah persatuan lain turut diasaskan iaitu Persatuan Homeopati Bumiputera Malaysia (PHBM) yang beribu pejabat di Johor Bahru pada tahun 1979 (Mohamed Hatta 2002, 14). Pengamal perubatan homeopati yang bertanggungjawab mengasaskan persatuan ini ialah Mohammed Yaakub, anak didik Dr. Burhanuddin sendiri. Setelah PHBM diasaskan, muncul beberapa lagi persatuan perubatan ini seperti Persatuan Pengamal-Pengamal Perubatan Homeopati Berdaftar Malaysia (MRHP) dan Persatuan Pengamal Perubatan Homeopati Malaysia (PPPHM) yang berpusat di Alor Setar, Kedah, serta Sultan Kedah telah menjadi penaung diraja bagi PPPHM (Mohamed Hatta 2002). Pada 11 April 1993, kesemua persatuan

perubatan homeopati tersebut telah bergabung di bawah satu persatuan yang lebih besar iaitu Majlis Homoeopathy Kebangsaan Malaysia (MHKM) (Mohamed Hatta 2002) dan seterusnya, pada tahun 1999, MPHM pula telah dibentuk.<sup>6</sup>

### **Membuka kelas homeopati**

Pada tahun 1965, “Doktor Politik” ini mengembangkan sayapnya dengan menempa sejarah membuka sebuah kelas yang khusus mengajar anak-anak Melayu yang berminat dalam perubatan homeopati di Kerian, Perak Utara (Muzammil 2011). Penubuhan kelas ini dikatakan yang terawal di Persekutuan Tanah Melayu selepas mendapat kemerdekaan dan bertapak di Maahad Il-Ihya Asshariff, Gunung Semanggol, Taiping, Perak (Hatta 2002). Sebelum merdeka, maahad ini merupakan markas para nasionalis golongan agama yang kuat di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Baqir (Muzammil 2014c, 39–53). Semasa berlangsungnya kelas perubatan di maahad ini, Dr. Burhanuddin menggunakan “sistem francais” iaitu kerjasama akademik dengan Contemporary University of Singapore, Singapura (Khairul Nizam 2008, 34–35). Pelajar yang melepasi ujian dengan baik pada tahap kelayakan dipilih dan dibenarkan memulakan pengajian selama tiga tahun di Maahad Il-Ihya Asshariff dan tiga tahun lagi baki pengajian mereka diteruskan di Singapura. Atas inisiatif Dr. Burhanuddin tersebut, kelas pengajian tersebut telah melahirkan ramai anak Melayu yang berkelulusan ilmu perubatan homeopati di maahad ini dan antara mereka termasuklah Ahmad Abdul Rahman yang juga ipar kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir, pengasas Maahad Il-Ihya Asshariff. Namun begitu, selepas Dr. Burhanuddin ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 28 Januari 1965 dan meninggal dunia pada tahun 1969 (Muzammil 2013, 526), kelas perubatan tersebut pun turut terkubur dan tidak berfungsi lagi sekitar tahun 1970 disebabkan tiada sesiapa yang dapat meneruskan legasi tokoh perubatan homeopati Melayu itu.

### **Anugerah dan pengiktirafan dalam perubatan homeopati**

Walaupun Dr. Burhanuddin terlibat secara langsung dalam pertubuhan-pertubuhan politik tanah air, ceramah-ceramah dakwah dan kegiatan sosial, beliau masih meneruskan dan mendalami ilmu perubatan homeopati dengan hasrat untuk meningkatkan tahap profesionalnya melalui kajian-kajian penyakit serta seterusnya menghasilkan penyelidikan dan ubat-ubatan.<sup>7</sup> Sehubungan itu, berkat ketekunan dan minatnya yang mendalam, beliau berjaya memperoleh beberapa penganugerahan dan pengiktirafan profesional daripada pertubuhan antarabangsa yang mengkhususkan ilmu perubatan homeopati iaitu, Medical Doctor of Homeopathy (MDH) daripada Academia Internationalis, Societ as Litteraturum, Itali; Doctor of Naturopathy (ND) daripada School of Naturopathy, London;

ijazah doktor falsafah (PhD) yang diterima daripada Academia Internationalis, Societas Litteraturum (Dr. Burhanuddin 1956a); Doctor of Divinity (DD) oleh International Academy Canada, Kanada dan sebuah ijazah yang berkaitan dengan doktor perubatan homeopati yang dikenali dengan MDEH (Rashidah 1969, 23). Pada masa yang sama, beliau turut menganggotai badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan perubatan homeopati antarabangsa dan serantau, iaitu Internasional Federation of Naturopath, Homeopathy Physicians Association (HPA London) dan dilantik sebagai presiden bagi mengetuai Persatuan Homeopathy Malaysia/Homeopathic Rector/Bahagian Asia Tenggara (Rashidah 1969, 23).

Semasa akhir hayatnya dalam tahanan ISA di Kamunting, Taiping, antara tahun 1967 sehingga 1969, beliau meneruskan kajiannya berkenaan penyakit-penyakit ganjil dan “mistik” termasuk yang berkaitan dengan sakit jiwa sehingga menerima sokongan dan pengiktirafan daripada sebuah badan perubatan homeopati antarabangsa di England, United Kingdom (Burhanuddin 1965; Rashidah 1969). Usaha yang dilakukan beliau memperkenalkan perubatan homeopati mendapat pengiktirafan dunia di atas sumbangannya dalam perubatan Islam dan kemanusiaan sehingga dianugerahkan pingat emas World Order of Human Merit, serta namanya juga turut dipahatkan dengan tinta emas dalam catatan *Dictionary of International Biography* (Rashidah 1969). Pada masa yang sama juga, nama Dr. Burhanuddin dicalonkan oleh bekas paderi besar, Pope II, yang merupakan kenalan beliau, untuk menerima anugerah tertinggi dalam ilmu perubatan homeopati, Doctor of Divinity (Rashidah 1969).

## **Pemikiran Falsafah Perubatan Homeopati Dr. Burhanuddin**

### **Perspektif terhadap perubatan homeopati**

Dr. Burhanuddin mempunyai pandangan yang sama dengan Hippocrates dan Hahnemann terhadap perubatan homeopati iaitu rawatan perubatan ini merupakan kaedah perubatan yang mengubati penyakit dengan “cara memberi ubat yang jika diberi kepada orang sihat akan menimbulkan tanda-tanda penyakit itu” (Burhanuddin 1954; Saliha 1997, 47). Sehubungan itu, Dr. Burhanuddin (1954) menjelaskan bahawa tujuan perubatan ini adalah untuk “memberikan kesembuhan yang sebenarnya<sup>2</sup> dan mengikis dan menghilangkan penyakit itu dengan sepenuhnya”.

Pandangan beliau menjelaskan bahawa perubatan homeopati berbeza dengan kaedah perubatan konvensional mahupun perubatan tradisional lain. Perbezaan ini berasaskan kepada kefalsafahan perubatan itu sendiri. Beliau menerangkan yang rawatan homeopati diasaskan melalui “undang-undang tabii” atau *natural law*

yang tidak akan bertukar atau berubah “bentuk dan sifatnya” (Burhanuddin 1954).<sup>8</sup> Jelas Dr. Burhanuddin (1954) lagi, “penyakit yang tidak mahu sembuh adalah disebabkan penyakit tersebut tidak mahu sembuh” atau *incurable* dan “keadaan badan” seseorang itu yang berbeza antara satu sama lain. Menurut beliau (1954, 10):

Homeopathy tetap Homeopathy kerana Homeopathy adalah asas diatas undang undang tabii atau natural law yang telah ditetapkan oleh Tuhan yang tidak akan bertukar dan berubah ubah. Penyakit yang tidak mahu sembuh itu disebutkan penyakit yang tidak boleh sembuh (*incurable*). Bagaimanapun penyakit demikian itu jika berada didalam jagaan Homeopathy nescaya pesakit itu akan dapat merasakan lebih longkang (relief) dan lebih sebang lagi daripada yang boleh didapatinya daripada cara cara perubatan lain.

Tambah Dr. Burhanuddin (1954, 9–10) lagi, ilmu perubatan homeopati ialah;

[s]atu chara ilmu perubatan yang mempunyai palasafah dan kaedah yang tetap dan tegoh, iaitu perubatan dengan chara yang serupa, atau mengubat mengikut raksi, atau mengubati sesaorang sakit itu dengan obat yang serupa semboyan nya, iaitu bila sesuatu obat atau rachon yang berobat bila dimakan oleh orang sehat akan membuat beberapa sakit dan penyakit, maka obat yang demikian itu bolehlah di-obatkan dan menyembuhkan sesuatu sakit atau penyakit yang serupa dengan khasiat obat itu.

Jogan kata kaedah ini disebutkan dalam bahasa Latin SIMILIA SIMILIBUS CURENTUR artinya serupa dengan serupa boleh menyembuhkan. Ka-edah ini telah dikenal oleh bapa perubatan yang mashor bernama Hippocrates iaitu diperanakan pada kuron 460 masihi dipulau Cose.

Ka-edah ini bukanlah Hahnemann mula mendapat nya, tetapi telah didapati oleh orang purbakala, dan dikenal jua oleh ahli perubatan Ayurvadick purbakala dan hadis Azzubab yang mashor diriwayatkan oleh Abi Hurairah (Bila lalat jatuh kedalam bijana kamu hendaklah dibenamkan kerana pada satu sayapnya ada rachun dan yang lagi satu ada penawar) itupon menurut paham saya adalah sangat bertepatan dengan bahas undang raksi atau Similimum ini. Maka pendapat Homeopathy oleh Hahnemann ini ialah sebagai pembaharuan dan penjelasan yang tegas nyata (nyata) jua pada undang2 yang ta' pernah ditegaskan orang dengan terangnya saperti yang didapat oleh Hahnemann.

Perkataan semboyan itu yang kita gunakan disini ialah rasa dan perasaan sakit dan ta' senang sesaorang yang sakit itu, bagi doktor Homeopathy tidak mementingkan sangat nama2 penyakit, tetapi sangat mementingkan semboyan2 sakit itu untuk memilhkan obat yang serupa atau serasi.

Melalui penjelasan tersebut, sistem perubatan homeopati berlandaskan hukum alam semula jadi. Oleh itu, kaedah penyembuhan penyakit adalah dengan memberi penawar kepada pesakit bagi menggerakkan daya tahan badan untuk melawan penyakit itu sendiri. Tegas beliau lagi, perubatan homeopati adalah tidak sama dengan cara perubatan yang lain kerana perubatan homeopati memberikan kesembuhan yang sebenar-benarnya, selain mengikis atau menghilangkan penyakit itu dengan cara sempurna (Burhanuddin 1954, 19).

### **Derita mengidap penyakit**

Salah satu sebab Dr. Burhanuddin menceburi perubatan homeopati adalah kerana beliau sering diserang penyakit lelah (*over emphysema case problem*) dan jangkitan pada saluran kencing yang agak kronik (*constricted ureter*) (Cenderamata 1967, 4). Namun begitu, dalam kenyataan rasminya semasa mesyuarat agung Persatuan Homeopathy Malaysia pada tahun 1966, Dr. Burhanuddin memaklumkan beliau mengidap penyakit saluran kencing, atau “urologi” dalam istilah perubatan alopati, yang menyebabkan beliau sukar kencing. Menurut beliau:

Siapa pun dari kita ini tidak mahu sakit, saya juga tak mahu sakit, tetapi bila kena sakit itu barulah ketara benar jika kita insafi adanya hikmah Tuhan. Maka dengan sakit saya susah kenching (dysuria) ini telah menimbulkan kepada saya bermacam2 keinsafan, pengertian dan pengalaman yang mendalam Tentang itu saya tidak huraikan disini kerana saya telah menuliskan sebuah buku khas berkenaan sakit susah kenching dan apa yang menjadi puncha sakit saya ini. (Cenderamata 1967, 4)

Sehubungan itu, beliau menyeru para pengamal homeopati tanah air supaya menulis isu-isu yang berkaitan dengan ilmu perubatan dan rawatan homeopati yang membawa faedah berguna kepada pelatih perubatan itu serta sebagai wadah penyampaian ilmu kepada masyarakat dengan tujuan menambahkan khazanah berkaitan falsafah dan pengamalan perubatan homeopati. Berbalik kepada sejarah penderitaan penyakitnya itu, beliau dirawat di Hospital Batu Gajah, Ipoh, Perak selama kira-kira enam bulan dan di Hospital Kuala Lumpur pula selama kira-kira dua bulan pada sekitar tahun 1940-an. Rawatan penyakitnya itu memerlukan kepakaran perubatan daripada ahli urologi luar negara. Namun begitu, selepas Dr. Burhanuddin mempelajari ilmu perubatan tersebut, beliau yakin dapat merawat



sendiri penyakitnya melalui kaedah perubatan homeopati. Seterusnya, situasi kesihatan beliau bertambah teruk apabila rawatannya terhalang semasa menjadi tahanan politik British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>9</sup> Tambahan lagi, keadaan beliau tidak sesuai untuk menerima rawatan semasa beliau berada dalam tahanan lokap di Kuala Lumpur pada akhir bulan Februari 1965 (*Cenderamata* 1967, 6; Muzammil 2013, 526). Akibat hal tersebut, kualiti kesihatan beliau berterusan merosot dan semakin uzur. Semasa dalam tahanan lokap itu, Dr. Burhanuddin “menahan kencing” lantaran tidak dibenarkan keluar dari kamar lokap ke bilik air dan dilarang melarutkan ubat homeopati di lidahnya sehinggakan keadaan kesihatan beliau melarat. Pelbagai jenis ubat-ubatan homeopati yang dimakan oleh beliau mengikut gejala penyakit yang dihidapinya diproses daripada sumber herba dan tumbuh-tumbuhan semula jadi (SP/90/3 n.d.). Dalam keterangan beliau dinyatakan bahawa:

Punchak penyakit saya ialah bermula pada minggu ketiga bulan Februari 1965 didalam lokap diKuala Lumpur ini, disebabkan oleh menahan kencing kerana ta’ dibenarkan keluar kencing. Setelah hampir 4 jam kemudian bila keluar hendak kencing tiba2 ayer kencing tak mau keluar.

Kemalangan ini berlaku bertambah berat ialah kerana Doktor memerentahkan saya sebelum itu supaya minum banyak ayer panas atau ayer masak selain minuman biasa kerana selepas puasa didapati saya kekurangan ayer dalam tubuh dan mulut ketara kering. (*Cenderamata* 1967, 6)

Petikan tersebut menceritakan “keajaiban” perubatan homeopati setelah seorang doktor perubatan di Hospital Batu Gajah, Perak, memberi keizinan kepada beliau untuk memakan ubat homeopati dan kesakitan akibat sukar membuang air kencing mulai pulih secara perlahan-lahan. Daripada pengalaman perit beliau itu, Dr. Burhanuddin mengingatkan kepada pengamal perubatan homeopati dan pesakit supaya jangan lalai dan perlulah mengambil tindakan pantas untuk mencari penawar sekiranya mengalami suatu penyakit agar kualiti kesihatan seseorang tidak merosot secara berterusan (*Cenderamata* 1967, 6). Tegas beliau lagi:

Selain dari itu yang menjadi pilihan saya kepada homeopati ialah kerana pengalaman saya mengidap penyakit lelah di mana puas saya berubat dengan ubat-ubat lain tetapi tidak mahu sembuh. Tetapi setelah saya mencuba ubat homeopati, maka idapan saya yang selama ini tidak baik-baik, telahpun pulih. (MPHM 2020)

## **Falsafah homeopati**

Menurut Dr. Burhanuddin, apabila manusia dilahirkan di dunia, manusia akan menghadapi dua kemungkinan iaitu antara hidup dengan mati. Andai manusia itu masih hidup, seseorang itu akan melalui keadaan kesihatan badannya dengan sihat atau sebaliknya. Tambah beliau lagi, apabila seseorang tersalah makan atau minum sama ada makanan dan minuman sejuk atau panas, manusia itu akan “melanggar peraturan alam, maka ia akan berasa tidak sedap badan, ngilu, pening atau sakit” (Burhanuddin 1954). Selain itu, manusia mempunyai pelbagai penyakit yang sukar diubati dan tidak mudah dirawat dengan pelbagai kaedah perubatan sehingga menggunakan kaedah perubatan tradisional. Beliau menegur sikap masyarakat Melayu yang terperangkap dengan tipu helah bomoh, dukun, pawang dan “kuasa ghaib” hingga membelakangi hukum-hukum Islam serta terjebak dengan ajaran sihir (Burhanuddin 1954). Malah, beliau agak sedih kerana masyarakat masih lagi belum menyedari tentang keburukan jenis-jenis ubat termasuk pil dan cecair serta ramuan-ramuan tradisional daripada sumber herba dan tumbuhan yang diragui kehalalannya serta bahan kimia yang dikenali sebagai *drug* atau dadah (Burhanuddin 1954; SP/90/3 n.d.). Hal ini disebabkan jenis ubat-ubatan pil dan cecair yang mempunyai dadah telah menjadi asas kepada ilmu perubatan moden sejak abad ke-15 hingga abad ke-19.

## **Cabaran perubatan homeopati**

Sehingga abad ke-20, ilmu perubatan alopati mulai berkembang pesat dan bersaing dengan perubatan homeopati. Oleh hal sedemikian, sejak zaman pembaharuan *Renaissance* yang bermula pada abad ke-14 di Itali, sistem perubatan homeopati yang moden berteknologi tinggi telah diperkenalkan dan membawa perubahan kepada penyelidikan perubatan ini terutama di Britain dan Amerika Syarikat; sebagai contoh, Royal London Homeopathic Hospital di bawah pentadbiran University College of London Hospitals, London (Muzammil 2012/2014). Dr. Burhanuddin (1954, 2) berpendapat bahawa perubatan homeopati mampu memberi saingan kepada kaedah rawatan alopati.

[a]kibat keadaan tersebut seolah-olah memisahkan alam perubatan kepada dua cara perubatan, iaitu perubatan lama dengan cara baharu yang dibawa oleh Hehnmann yang bernama homeopati itu, seperti perpisahan antara air dengan minyak atau antara kanan dengan kiri, kerana berlainan dasar falsafah dan kaedahnya.

Pengenalan ilmu perubatan yang diasaskan oleh Hehnmann itu mempunyai kaedah perubatan yang berbeza dengan ilmu perubatan konvensional iaitu alopati dari segi kaedah rawatan, jenis ubat-ubatan dan kos rawatan. Perubatan dan pengamalan homeopati mendapat tentangan hebat daripada pengamal perubatan alopati kerana kaedah dan falsafah perubatan yang dibawa oleh Hahnemann itu berlainan sekali dan agak baharu dalam kalangan masyarakat ketika itu. Salah satu sebab berlakunya hal ini adalah kerana perubatan alopati diiktiraf sebagai kaedah perubatan moden dan mendapat perhatian oleh pihak British di Tanah Melayu dengan pembukaan hospital dan klinik kesihatan sedangkan perubatan homeopati masih dianggap perubatan tradisional.

Tegas Dr. Burhanuddin (1954, 4), selagi “kemajuan manusia berfikir bertambah luas dan pengetahuan semakin berkembang maka ilmu perubatan itu turut bersama maju dan berkembang”. Menurut beliau lagi, kaedah perubatan tradisional seperti jampi, tawar,<sup>10</sup> sihir, membuang ancak,<sup>11</sup> menjamu, berhantu dan menurun, membuang darah, membekam, tikam jarum,<sup>12</sup> memakai satu ramuan atau campuran, ubat-ubat rebus, jamu dan makjum, dan ubat sinseh<sup>13</sup> agak membimbangkan dalam pengamalan perubatan homeopati kerana boleh membinasakan badan dan dianggap syirik dalam ajaran Islam (Burhanuddin 1954, 4). Beliau turut menyatakan bahawa homeopati merupakan satu sistem ilmu perubatan yang mempunyai falsafah yang teguh, iaitu perubatan yang menggunakan kaedah “serupa” atau memberi rawatan mengikut “raksi”<sup>14</sup> atau “merawat seseorang dengan ubat yang serupa semboyannya” seperti dalam bahasa Latin, *similia-similibus-curentur* yang membawa pengertian, “serupa dengan serupa boleh menyembuhkan” (Burhanuddin 1954, 6).

Dr. Burhanuddin tahu bahawa pengamalan rawatan homeopati mendapat tentangan daripada pengamal perubatan tradisional dan perubatan alopati. Justeru, beliau menjelaskan bahawa homeopati merupakan suatu cara perubatan baharu bagi menggantikan perubatan terdahulu. Perubatan ini berbeza-beza dengan kaedah-kaedah perubatan lain dari segi cara rawatan, ramuan ubat dan pemulihan serta penyembuhan penyakit. Disebabkan perubatan homeopati ini masih baharu dan belum diterima dan diiktiraf oleh masyarakat, perubatan ini mendapat tentangan daripada pengamal perubatan tradisional dan perubatan alopati. Salah satu sebab pertentangan antara mereka adalah kerana isu persaingan dan persepsi masyarakat akibat tidak yakin dengan keupayaan perubatan homeopati dalam merawat pesakit serta penggunaan ramuan herba sebagai penawar dan kaedah perawatan yang agak diragui keberkesannya. Jelas Dr. Burhanuddin lagi, perubatan homeopati mempunyai sejarah lebih 100 tahun dan baru berkembang di Eropah, Amerika, Rusia, India dan Pakistan; berbanding perubatan alopati yang berusia sudah 1,000 tahun (*Cenderamata* 1967, 1). Oleh itu, golongan doktor perubatan moden berpendapat agak sukar untuk pengamal ilmu perubatan homeopati mengambil

tempat mereka dalam bidang perubatan. Menyedari hakikat ini, beliau menyeru pengamal perubatan homeopati supaya mengingati perjuangan Hahnemann dalam memperkenalkan kaedah perubatan ini kepada dunia perubatan keseluruhan.

### **Ahli politik dan perawat perubatan homeopati**

Semasa beliau menjadi ahli parlimen pada tahun 1959 sehingga 1964 mewakili Parlimen Besut, Terengganu, Dr. Burhanuddin menyuarakan isu-isu perubatan homeopati dengan menyeru kerajaan melalui Kementerian Kesihatan supaya memberi perhatian kepada perubatan baharu ini serta memberi pengiktirafan sewajarnya (Hatta 2002), misalnya melalui pembukaan klinik dan penyediaan kelengkapan perubatan dan melatih para pengamal perubatan dengan membuka kelas atau kolej yang khusus kepada perubatan homeopati. Selain itu, beliau turut mencadangkan kepada Jabatan Pertanian untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam memperkenalkan *botanical herbalism* iaitu sebuah konsep taman yang menyerupai taman herba seperti yang telah diusahakan di India dan Jerman untuk dikomersialkan dan dapat digunakan dalam rawatan homeopati (*Cenderamata* 1967, 1). Suara beliau lantang berdebat semasa di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. “Doktor Politik” ini mempersoalkan kerajaan pemerintah yang tidak memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pengamalan perubatan homeopati. Beliau mengakui agak sukar memperjuangkan perubatan homeopati kerana belum mendapat perhatian daripada kerajaan.

Justeru, Dr. Burhanuddin menyeru pengamal ilmu perubatan homeopati di tanah air perihal perlunya mereka berjuang dengan penuh berhati-hati, berdedikasi dan bersungguh-sungguh supaya matlamat dan tujuan perubatan ini dicapai melalui persatuan yang telah diasaskan. Hal ini berlaku kerana dihalang oleh kepercayaan lama sebelum Islam iaitu masyarakat tempatan lebih selesa menerima rawatan tradisional disebabkan kebudayaan tempatan, kepercayaan lama, kolot dan kuno iaitu kepercayaan berbentuk animisme (*Cenderamata* 1967, 2). Beliau turut mengaitkan ilmu perubatan homeopati dengan ilmu perubatan Islam dan ajaran Islam itu sendiri. Bagi beliau, kedua-dua jenis perubatan ini perlu seiringan dan tidak dipisahkan dalam pengamalan perubatan homeopati. Kaedah rawatan homeopati perlu merujuk kepada al-Quran dan hadis serta sejarah kegemilangan perubatan Islam. Ramai ilmuwan Islam yang menulis kitab perubatan pada masa itu seperti al-Razi dan Ibnu Sina. Dr. Burhanuddin menjelaskan bahawa golongan orientalis turut merujuk dan membuat penyelidikan al-Quran dalam membina kemajuan ilmu perubatan mereka dengan cara menterjemahkan al-Quran, kamus-kamus Arab dan kitab ilmu tasawuf. Beliau berpendapat bahawa terdapat beberapa tujuan berlakunya perkara ini, iaitu bagi tujuan ilmiah, memahami ilmu-ilmu dalam Islam dan juga salah satu cara untuk menundukkan masyarakat Islam itu

sendiri (*Cenderamata* 1967, 3). Malah, dalam bingkisan penulisannya, beliau turut menterjemahkan pemikiran ilmu perubatan homeopati yang diamalkannya selari dengan kuasa Allah, Maha Pencipta segala alam, iaitu:

Kembalilah  
Kembalilah di dasar sunatullah  
Kembali ke jalan Allah  
Di sana wujudnya kesihatan  
Dan kemudahan

Kembali kepadaNya  
Sujudlah kepadanya  
Dengan bersujud kepadanya sahaja  
Kita dekat dan hampir  
Kepada limpah kurnia  
Sihat dan afiat sejati.

*Sumber: Berita Homeopathy (2009)*

Oleh hal sedemikian, penglibatan Dr. Burhanuddin dalam pengamalan ilmu perubatan homeopati “masih hijau” di Tanah Melayu, yang ketika itu masih dijajah oleh British. Masyarakat Melayu masih belum mengenal pengertian perubatan homeopati itu sendiri terutama kaedah perubatan dan juga jenis ubat-ubatan. Beliau cuba untuk memperkenalkan kaedah perubatan homeopati kepada masyarakat Melayu tetapi mendapat tentangan yang hebat daripada pengamal perubatan tradisional mahupun perubatan alopati. Pertentangan tersebut telah mempengaruhi masyarakat Melayu dan mereka menolak perubatan homeopati dengan mendakwa bahawa perubatan ini tidak sesuai diamalkan dalam kalangan mereka (Nik Omar 1984). Masyarakat Melayu menganggap perubatan ini ialah sistem perubatan tradisional India kerana bidang ini pada mulanya didominasi oleh golongan imigran India di Tanah Melayu (Nik Omar 1984). Harapan nasionalis Melayu dan pelopor perubatan homeopati ini setinggi gunung untuk melihat perubatan itu bertapak dan berkembang luas di Malaysia, seperti dalam kenyataan beliau:

[s]aya berpendapat, ilmu kedoktoran homeopati ini adalah satu milik bangsa (national asset) yang dapat saya sembahkan menjadi pusaka kekal buat negara yang merdeka kelak. Oleh itu, saudara-saudara perintis adalah merupakan angkatan yang menjadi harapan bangsa di masa akan datang. Apa lagi ilmu kedoktoran ini adalah satu cabang ilmu mengikut aliran tabii semula jadi. Oleh itu ia merupakan suatu sistem yang sejajar dengan kehendak nature. (MPHM 2020)

## Kesimpulan

Sesungguhnya, penglibatan Dr. Burhanuddin bukan sahaja dalam gerakan nasionalisme dan politik malah juga dalam ilmu perubatan homeopati di Tanah Melayu. Minat beliau dalam membaca dan mempelajari pelbagai ilmu sejak zaman persekolahan berlanjutan sehingga dewasa telah memperkenalkan ilmu perubatan itu kepadanya. Kelulusan dalam ilmu perubatan itu yang beliau peroleh dari sebuah universiti di India dan kemudian usaha beliau untuk mempraktikkan ilmu tersebut setelah memperoleh kelayakan memberikan beliau gelaran sebagai pelopor ilmu perubatan homeopati di tanah air. Selain mempraktikkan ilmu perubatan tersebut kepada pesakit, beliau turut mengamalkan perubatan Islam serta menyemai semangat nasionalisme dalam kalangan pesakit. Hal inilah yang membezakan cara rawatan yang diamalkannya dengan para pengamal perubatan homeopati lain yang berketurunan India. Semasa beliau mempraktikkan perubatan tersebut, Dr. Burhanuddin turut terlibat dalam kegiatan politik secara sepenuh masa sehingga memegang jawatan Presiden PAS yang ketiga dan dipilih rakyat sebagai Ahli Parlimen Besut pada tahun 1959. Namun demikian, usahanya dalam ilmu perubatan homeopati tidak berpanjangan kerana Tanah Melayu terlibat dalam kancan Perang Dunia Kedua serta tuduhan pengkhianat negara yang dilemparkan kepada beliau sehingga disumbat dalam tahanan ISA pada 28 Januari 1965 (Muzammil 2023, 196) dan meninggal dunia pada 25 Oktober 1969. Oleh itu, usaha beliau untuk menambahkan bilangan doktor homeopati dalam masyarakat Melayu terkubur seiringan dengan pemergiannya. Para pelapis pengamal perubatan homeopati seperti Mohammed Dali, Abdul Ghani, Nik Omar, Ghulam Rasool dan ahli-ahli jawatankuasa PPHM 1970–1984 mengambil tempat yang ditinggalkan oleh Dr. Burhanuddin. Mereka melatih anak-anak muda melalui kursus-kursus perubatan homeopati di dalam dan luar negara terutama di India, Pakistan dan Jerman. Implikasinya, para pengamal perubatan homeopati diberikan pendedahan, pengalaman dan rangkaian perhubungan dalam dunia perubatan homeopati serta sains perubatan. Di samping itu, masyarakat tempatan mula mengenali kaedah perubatan homeopati dan memberikan mereka alternatif rawatan untuk mengubati sebarang penyakit yang dihadapi, selain perubatan tradisional dan alopati secara langsung. Dr. Burhanuddin turut memecah tradisi ketika menjadi anak Melayu pertama yang mempelajari dan memperoleh kelulusan profesional dalam bidang ilmu perubatan homeopati di Tanah Melayu sehingga memperoleh ijazah dalam bidang tersebut dan juga ijazah doktor falsafah dalam bidang ilmu falsafah. Dr. Burhanuddin turut menganggotai badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan perubatan homeopati antarabangsa dan serantau, iaitu Internasional Federation of Naturopath, HPA London dan dilantik sebagai presiden bagi Persatuan Homeopathy Malaysia/Homeopathic Rector/Bahagian Asia Tenggara.

Pengamalan perubatan tersebut di Malaysia pada ketika ini telah diiktiraf oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia dengan penubuhan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Satu akta telah diperuntukkan bagi mengawal dan melindungi perubatan tradisional dan komplementari iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) serta penubuhan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Malah, sebuah universiti swasta iaitu University of Cyberjaya, Selangor, telah mempunyai fakulti tersendiri bagi melakukan penyelidikan dan melahirkan pengamal perubatan homeopati. Fakulti tersebut ialah Faculty of Traditional and Complementary Medicine yang telah dibuka pada tahun 2010 bagi mengeluarkan ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Homeopati dengan kepujian (BHMS [Hons.]) (University of Cyberjaya 2019). Keseluruhannya, perjuangan Dr. Burhanuddin demi mengangkat perubatan homeopati di Malaysia telah menampakkan hasilnya. Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf ubat-ubatan dan pengamalan sains perubatan ini sebagai sah dari segi undang-undang melalui akta khas tersebut.

### **Penghargaan**

Makalah ini dihasilkan melalui kajian di bawah Geran Insentif Universiti Sains Malaysia, 2011/1286, “Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu”, dan “Mengkaji Perkembangan Pengamalan Ilmu Perubatan Homeopati di Malaysia, 1930-1970”, Geran Jangka Pendek 304/PJJAUH/6312071, Universiti Sains Malaysia, 2012/2014. Penulis mengucapkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas peruntukan kewangan dalam kedua-dua geran penyelidikan ini.

### **Nota**

1. Artikel ini diubah suai daripada kertas kerja persidangan bertajuk “Dr. Burhanuddin al-Helmi and the History of Homeopathy Medication in Malaya” yang dibentangkan dalam 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA 2014), Alor Setar, Kedah, 23–27 Ogos 2014.
2. Perkataan homeopati dalam bahasa Melayu dieja sebagai “homoeopathy”, “homeopathy” dan “homeopathy” di dalam sesetengah dokumen yang diteliti. Dalam makalah ini, ejaan perkataan ini dikekalkan sebagaimana dalam petikan asal dan nama rasmi persatuan homeopati.
3. Nama saintifik pokok kina ialah *Cinchona*. Hidupan ini dikatakan berasal dan tumbuh subur di Pergunungan Andes, Peru dan Ecuador. Penduduk di situ mempercayai bahawa penyakit malaria dan demam panas dapat disembuhkan dengan meminum ramuan herba dari pokok ini (Muzammil 2011; 2012/2014).



4. Rujuk fail-fail British: Colonial Office File (CO) 273/534 (1926) dan Colonial Office File (CO) 273/351 (1909).
5. Dr. Burhanuddin menerima pendidikan awalnya iaitu pendidikan Melayu di Sungai Dera, Tanjung Malim, Perak, pada tahun 1922 dan sekolah Melayu di Behrang Ulu, di Bakap dan Kota Bharu di Taiping, Perak, sehinggalah beliau tamat darjah lima (Muzammil 2015, 29; 2023). Beliau juga menerima pendidikan Islam pada sebelah petang dan melalui hasil didikan ayahnya yang mementingkan soal-soal keagamaan termasuk ilmu fikah dan pengajian al-Quran. Beliau dikatakan sebagai seorang yang cerdas, terang hati, kuat bekerja dan rajin serta tekun melakukan sesuatu aktiviti (Muzammil 2015, 29). Sebagai seorang yang terang hati dan rajin, beliau berminat dalam bidang-bidang keilmuan seperti agama, falsafah serta kesihatan dan perubatan tradisional. Beliau mempelajari bahasa asing terutama bahasa-bahasa Cina, Tamil serta Inggeris. Sikapnya yang suka membaca pelbagai jenis bahan bacaan dan buku adalah kerana sifat ingin tahu beliau terhadap sesuatu perkara dan kemahuan beliau untuk mendalami ilmu tertentu (Muzammil 2015, 28–31). Pada masa yang sama, beliau gemar mengarang dan mencatat sesuatu yang terlintas dalam fikirannya. Pada akhir tahun 1925, beliau bersama-sama adiknya, Abdul Halim, dibawa ke kampung asal keluarganya di Minangkabau, Sumatera Barat, oleh ayah mereka dengan tujuan untuk anak-anaknya mendalami ilmu dan tidak melupakan asal keturunan dan tanah kelahiran nenek moyang mereka. Beliau bersama adiknya menyambung pembelajaran ilmu-ilmu agama Islam selama enam bulan di Sekolah Agama Sungai Jambu, Batu Sangkar (Kamaruddin 1980, 4; Funston 1980, 118). Seterusnya, beliau meneruskan pengajian di Tanah Melayu iaitu di Sekolah Pondok Pulau Pinang di Jitra, Kedah pada tahun 1927. Namun begitu, pengajian tersebut hanya kira-kira sebulan sahaja kerana desakannya yang mahu belajar di sekolah yang lebih moden dan sistematik di Madrasah al-Mashor al-Islamiyyah, Pulau Pinang. Semasa di sekolah pendidikan Islam tersebut, Dr. Burhanuddin terpengaruh dengan pemikiran politik dan sifat-sifat keperibadian Sheikh Abu Bakar al-Rafie yang juga seorang mudir di Madrasah al-Mashor al-Islamiyyah dan Haji Arshad al-Bawayih iaitu pengikut Kaum Muda serta Ashiran Yaacob iaitu penulis dan nasionalis tempatan yang memperjuangkan nasib politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu (Saliha Hassan 1997, 23).
6. Objektif utama penubuhan majlis ini adalah untuk: (a) menetapkan garis panduan pendaftaran, setiap pengamal perlu mempunyai kelayakan dalam bidang ilmu perubatan homeopati yang diiktiraf oleh Badan Induk dengan pengawasan oleh pihak Kementerian yang berkenaan; (b) pengamal mengikut syarat dan tatasusila dalam etika perubatan supaya mudah dikawal kegiatan mereka dan bertanggungjawab di atas segala aktiviti pengamalannya terhadap pesakit-pesakit mereka; (c) sistem perubatan homeopati dapat melaksanakan perkara yang tersebut di atas dan menjadikannya satu kerjaya yang dihormati, serta pelajar-pelajar baharu akan mempunyai keyakinan dalam memilih bidang perubatan homeopati; (d) membentuk satu profesion yang setanding dengan profesion lain malahan bersedia membuat penyelidikan dan meneroka kaedah-kaedah baharu dalam memperbaiki lagi sistem perubatan homeopati agar menjadi lebih maju serta dapat menjadi pelopor homeopati moden dalam dunia ini; (e) meningkatkan mutu dan imej profesional Pengamal Perubatan Homeopati di negara ini;

- (f) memastikan pendaftaran semua Pengamal Perubatan Homeopati dan mengemaskini pendaftaran dari semasa ke semasa; (g) merancang perkembangan kerjaya Pengamal Perubatan Homeopati; (h) menyediakan peraturan dan syarat bagi Pengamal Perubatan Homeopati Warga Asing yang hendak mengamalkan rawatan Perubatan Homeopati di Malaysia dan (i) menentukan kedudukan Pengamal Perubatan Homeopati yang tiada kelayakan pendidikan secara formal (Kumpulan ini akan diberikan latihan dan pendidikan lanjutan supaya mereka akan menjadi Pengamal Perubatan Homeopati yang berkelayakan nanti) (MPHM 2009).
7. Rujuk fail-fail peribadi Dr. Burhanuddin tentang ilmu perubatan homeopati: SP/28/A/36 Dr. Burhanuddin (1956b); SP 90/Burhanuddin, Professor Dr. (1954); SP/84 (n.d.); SP/90/1 (n.d.); SP/90/3 (n.d.); SP/90/4 (n.d.); SP/90/11 (n.d.); SP/90/12 (n.d.); SP/90/13 (n.d.); SP/90/14 (n.d.); SP/90/15 (n.d.); SP/90/16 (n.d.); SP/90/17 (n.d.); SP/90/18 (n.d.).
  8. *Falsafah Perubatan Homeopathy* (asal) yang ditaip sendiri oleh Dr. Burhanuddin pada tahun 1954. Tulisan beliau ini mengandungi 30 tajuk kecil dengan 129 halaman. Sumber ini telah disunting oleh Md Dali bin Muin pada tahun 1981 dan diperoleh dari SP/90/Professor Dr. Burhanuddin (1954).
  9. Beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) disebabkan dituduh tanpa bukti kukuh semasa kemelut politik Malaysia-Indonesia dalam peristiwa konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1963. Tuduhan itu adalah kerana Dr. Burhanuddin berkomplot dengan Sukarno bagi menggagalkan pembentukan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman (Muzammil 2013, 254–536).
  10. “Tawar” ialah penawar yang merupakan kaedah perubatan tradisional Melayu yang diamalkan oleh bomoh atau dukun bagi mengubati penyakit melalui cara jampi (Mohd Taib 1988, 149).
  11. “Membuang ancak” merupakan sebuah persembahan khusus kepada makhluk halus dalam kebudayaan Melayu. Persembahan ini biasanya dipersembahkan untuk mengubati penyakit mistik atau buatan orang. Dalam persembahan itu, pelbagai makanan dihidangkan yang terdiri daripada bertih beras atau jagung, pulut kuning, seekor ayam, telur ayam mentah atau direbus dan boneka berbentuk manusia (Harun 2004).
  12. “Tikam jarum” ialah suatu amalan sihir atau santau yang bertentangan dengan syariat Islam. Amalan ini dilakukan melalui ilmu hitam untuk mensihirkan orang lain bagi tujuan khianat atau gangguan kesihatan terutama kesihatan mental dan fizikal secara mistik (Amran Kasimin 2009).
  13. “Ubat sinseh” ialah perubatan tradisional Cina yang menggunakan kaedah ubat herba, akupunktur dan seniurut. Perubatan ini dikatakan berunsur ajaran Taoisme dan Buddha yang bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh menimbulkan syirik kepada Allah SWT (Eu dan Yin 2004).

14. “Raksi” yang dimaksudkan ialah rawatan yang dilakukan mempunyai kesesuaian dengan sistem badan seseorang yang menerima rawatan. Rawatan yang diterima oleh seorang pesakit dapat menyembuhkannya secara perlahan-lahan hingga menjadi normal kembali (Muzammil 2011).

## Bibliografi

- Amir Tan. 1975. Almarhum Dr. Burhanuddin, nasionalis yang tak mengenal kalah. *Dewan Masyarakat*, 4 August.
- Amran Kasimin. 2009. *Sihir: Suatu amalan kebatinan*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atondra. 2001. Di pendakian usia empat puluh tahun. Retrieved from <http://www.drhatta.com/homeolibrary.com/homeopathy/MalaysiaHomeopathInHistory/DrDaliMuin.htm> (accessed 23 June 2022).
- Berita Harian*. 2019. Homeopati rawatan alternatif holistik. 10 September.
- Burhanuddin al-Helmy. n.d. *Sejarah perubatan*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. n.d. *Mutiara homeopathy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. n.d. *Asohan kesihatan*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. n.d. *Asas pamakopia homeopathy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2009. Kembalilah. *Berita Homeopathy*, July–September.
- \_\_\_\_\_. 1985. Sepintas lalu perkembangan ilmu perubatan. *Majalah Perubatan Homeopathy* 1(1): 28–34.
- \_\_\_\_\_. 1981. *Falsafah perubatan homeopathy*. Edited by Md Dali Muin. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1965. *Hal tahanan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1960. Sambutan kemerdekaan kali ketiga. *Utusan Melayu*, 31 August.
- \_\_\_\_\_. 1958. *Personal letters to Academia Internationalis, Societas Litteraturum, Salutem of Doctor in Philosophy, dated 20 January*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Colonial Office File (CO) 273/351. 1909. *Letter from Hendry N. Bidley (Director of Gardens Despatch), dated 28 August. No. 328 of 27th October 1909, S.S.* Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Colonial Office File (CO) 273/534. 1926. *Letter from A. Caldecott (Ag. Controller of Malaya, 27 July 1927), dated 9 June. Medical facilities, memorandum, excerpts from the “Swathesamithiran” forwarded with Section of States F.M.S. Despatch No. 307*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Eu, L.Y. and Yin, S.L. 2004. Herbal medicine criteria for use in health and disease. In *Herbal and traditional medicine*, eds. L. Pecker, C.N. Ong and B. Halliwell, 60–71. New York: Marcel Dekker.
- Funston, N.J. 1980. *Malay politics in Malaysia, study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Harun Daud. 2004. *Ulit mayang: Kumpulan mantera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Jaafar. 1980. *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.

- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Retrieved from <http://www.tcm.moh.gov.my/ms/index.php/akta-pt-k-2016/akta2016> (accessed 20 September 2021).
- Khairul Nizam Zainal Badri. 2008. *Ketokohan dan pemikiran Abu Bakar al-Baqir*. Selangor, Malaysia: Karisma.
- Maahad al-Ehya Assahriff. 1984. *Maahad II-Ihya Assyariff kenangan jubli emas 1984*. Perak, Malaysia: Maahad al-Ehya Assahriff.
- Merizalde, B.A. 2015. Homeopathic medicine. In *Fundamentals of complementary, alternative, and integrative medicine*, ed. M.S. Micozzi. St. Louis, 351–362. MO: Elsevier.
- Meulenbeld, G. 1999. *A history of Indian medical literature*. Vol. 2A. Groningen, Netherlands: Egbert Forsten.
- Mingguan Islam*. 1986/AH1407. Homeopathy sistem perubatan alternatif. 12 September/ 5 Muharram.
- Ministry of Health Malaysia. 2014. *Management guideline of malaria in Malaysia*. Putrajaya: Vector Borne Disease Sector, Disease Control Division, Ministry of Health. Retrieved from: [https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Pengurusan%20Kesihatan%20&%20kawalan%20pykit/Management\\_Guidelines\\_of\\_Malaria\\_in\\_Malaysia\\_\(Final\).pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Pengurusan%20Kesihatan%20&%20kawalan%20pykit/Management_Guidelines_of_Malaria_in_Malaysia_(Final).pdf) (accessed 27 April 2021).
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2023. The Malaysia-Indonesia confrontation: The allegations against Burhanuddin al-Helmi for conspiring with Sukarno, 1963. *Paramita: Historical Studies Journal* 33(2): 189–200. <https://doi.org/10.15294/paramita.v33i2.43501>
- \_\_\_\_\_. 2022. Pengaruh idea reformisme Islam Dr. Burhanuddin al-Helmi. In *Pemikiran politik Islam alam Melayu di Malaysia*, 43–64. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2020. Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pandangan sarjanawan tempatan terhadap pemikiran dan perjuangannya. *Sejarah: Journal of History Department* 29(2): 139–160. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no2.8>
- \_\_\_\_\_. 2015. *Pemikiran politik Islam: Perbandingan antara pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 2014a. Dr. Burhanuddin al-Helmi and the history of homeopathy medication in Malaya. Paper presented at the 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA 2014), Alor Setar, Kedah, Malaysia, 23–27 August.
- \_\_\_\_\_. 2014b. *Burhanuddin al-Helmi: Pemikiran dan perjuangan*. Selangor, Malaysia: Medium Publications.
- \_\_\_\_\_. 2014c. Abu Bakar al-Baqir (1907–1974): Pejuang agama dan tokoh kemerdekaan. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 6(3): 39–53.
- \_\_\_\_\_. 2013. Dr. Burhanuddin al-Helmi dan tuduhan dalam komplotan anti penubuhan Malaysia, 1963–1969. *Pasai: Jurnal Penelitian Ilmu-ilmu Sosial* 7(2): 254–536.
- \_\_\_\_\_. 2012/2014. Mengkaji perkembangan pengamalan ilmu perubatan homeopati di Malaysia, 1930–1970. Penyelidikan Geran Jangka Pendek 304/PJJAUH/6312071, Universiti Sains Malaysia, 2012/2014. Report, Universiti Sains Malaysia.

- \_\_\_\_\_. 2011a. Dr. Burhanuddin al-Helmi: Kegiatan politik-agama. In *Isu-isu terpilih dalam sejarah alam Melayu sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi*, 193–224. Johor, Malaysia: Penerbit UTHM.
- \_\_\_\_\_. 2011b. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan pemikiran dan perjuangan. PhD diss., Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2011. Dr. Burhanuddin al-Helmi dan sejarah perubatan homeopati di Tanah Melayu. Penyelidikan Geran Insentif 2011/1286, Universiti Sains Malaysia. Report, Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2010. Dr. Burhanuddin al-Helmi: Kegiatan nasionalisme dan politik semasa zaman pendudukan Jepun, 1940–1945. *Sejarah: Journal of History Department* 18(18): 111–122. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.6>
- \_\_\_\_\_. 2009a. Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran reformisme Islam dan fahaman Kaum Muda. Paper presented at the Prosiding Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia ke-IX, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia, 10–12 November.
- \_\_\_\_\_. 2009b. Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir tentang fahaman dan kegiatan komunis. Paper presented at the 3rd International Conference on Southeast Asia 2009, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 8–9 December.
- Mohamed Hatta Abu Bakar. 2011a. Sejarah homeopati. Retrieved from <http://www.drhatta.com/SejarahHomeopati.htm> (accessed 6 April 2024).
- \_\_\_\_\_. 2011b. *Pengantar falsafah perubatan homeopati (sumbangan Dr. Burhanuddin al-Helmy)*. Kelantan, Malaysia: HBI Health & Homeopathy Centre.
- \_\_\_\_\_. 2002. Perkembangan homeopati di Malaysia. Retrieved from <http://homeoint.org/articles/malay/malaysia.htm> (accessed 10 April 2021).
- \_\_\_\_\_. 1999. *Homeopati: Perubatan alaf baru*. Selangor, Malaysia: HBI Health & Homeopathy Centre.
- Mohd Taib Osman. 1988. The *bomoh* and the practice of Malay medicine. In *Bunga rampai: Aspects of Malay culture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Montage 1CHOM. 2011. Homeopathy. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=Cf61uYZpGuo&t=72s> (accessed 6 April 2024).
- MPHM (Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia). 2020. Retrieved from <http://mphm.com.my/history> (accessed 30 March 2021).
- \_\_\_\_\_. 2009. Heath and Homeopathy Centre. Retrieved from <https://www.geocities.org/homeohbi/MPHM.htm> (accessed 29 February 2021).
- Risse, G.B. 1970. Samuel Hahnemann and the origins of homeopathy. Paper presented at a seminar given at the University of Washington School of Medicine, Seattle, Washington, 11 May.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934–1959*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Omar Nik Daud. 1984. *Kerjaya anda dalam perubatan homeopati*. Kelantan, Malaysia: The Faculty of Homeopathy Malaysia.
- Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin al-Helmy suatu kemelut politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rashidah Ismail. 1969. Dr. Burhanuddin al-Helmy: Anak Melayu yang pertama mempelajari homeopati. *Dewan Masyarakat*, December: 23.
- Saliha Haji Hassan. 1997. Dr. Burhanuddin al-Helmi 1911–1969. In *Biografi tokoh pilihan Malaysia*, eds. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Nawang, 19–49. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1974. Dr. Burhanuddin al-Helmy: The ideas of Malay nationalist. *Malaysian in History* 17(1): 2.
- \_\_\_\_\_. 1972. Dr. Burhanuddin al-Helmy: A political biography. BA graduation exercise, University Malaya.
- Sinar Harian*. 2019. Menyingkap semangat Dr. Burhanuddin. 25 October. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/53964/sinar-islam/menyingkap-semangat-dr-burhanuddin> (accessed 6 September 2021).
- SP/28/A/36. 1956a. *Personal letters from Burhanuddin al-Helmy*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1956b. *Personal letters from Burhanuddin al-Helmy to Hassan Adli, dated 14 December*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/84. n.d. *Private letters of Manan Chik*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/1. n.d. *Falsasah perubatan homeopathy oleh Prof. Dr Burhanuddin al-Helmy, M.D. (H), PH.D, DD.I.A.* Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/11. n.d. *Peratoran memereksa orang sakit oleh Prof. Dr. Burhanuddin*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/12. n.d. *Potency rendah, kombinasi dan Suntikan oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/13. n.d. *Menjaga kesehatan dan panjang umur oleh Prof. Burhanuddin M.D.H., N.D., Ph.D.* Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/14. n.d. *Bagaimana menjaga kesihatan dan mengekalkan muda*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/15. n.d. *Sapintas lalu riwayat perkembangan ilmu perubatan oleh Prof Dr. Burhanuddin al-Helmy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/16. n.d. *Materia medica homeopath oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy M.D.H., PH.D., N.D. (Cocculus Indicus)*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/17. n.d. *Materia medica homeopath*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/18. n.d. *Homeopath satu sistem rawatan alternatif; Burhanuddin al-Helmy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/3. n.d. *Biochemistry oleh Dr. Burhanuddin*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/4. n.d. *Sejarah ilmu perubatan dan memeriksa orang sakit oleh Prof. Dr. Burhanuddin*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/8. 1967. *Cenderamata. Mesyuarat Agong Persatuan Homeopathy Malaysia kali keenam, 1 November*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- SP/90/Professor Dr. Burhanuddin. 1954. *Falsafah perubatan homeopathy*. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- \_\_\_\_\_. n.d. Personal letters. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Swettenham, F.A. 1955. *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*. London: Allen & Unwin.
- University of Cyberjaya. 2019. The Faculty of Traditional and Complementary Medicine. Retrieved from <http://www.cyberjaya.edu.my/faculty-of-traditional-complementary-medicine> (accessed 18 April 2021).
- Vithoukas, G. 1979. *Homeopathy: Medicine of the new man*. Vol. 844. New York: Arco Publishing Co.